

## PENGENALAN

Program dwi Ijazah ini ditawarkan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Program ini bertujuan untuk membolehkan pelajar yang cemerlang dan berkemampuan mengambil dua program ijazah sarjana muda berbeza dalam sesuatu tempoh pengajian dan akhirnya akan berijazah dengan dua-dua program ijazah sarjana muda berkenaan. Dengan mengikuti program dwi ijazah pelajar boleh melebarkan pengalaman pembelajaran dan pengetahuan serta meluaskan peluang pekerjaan.

## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

### 1. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Biologi)
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Fizik)
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kimia)
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)(Matematik)

### 2. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Geografi)
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Kesusasteraan)
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Sejarah)

### 3. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)

- Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) (Antropologi dan Sosiologi)
- Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) (Ekonomi)
- Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) (Sains Politik)

### 4. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan(Kepujian) (Kewangan)
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan(Kepujian) (Organisasi)
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan(Kepujian) (Pemasaran)

## SYARAT KEMASUKAN

Program ini dibuka kepada semua pelajar ijazah pertama penuh masa di Universiti Sains Malaysia (USM). Permohonan diterima setelah calon tamat semester kedua pengajian ijazah pertama. Tawaran program dwi ijazah hanya diberikan kepada pelajar yang masih berdaftar sebagai pelajar penuh masa USM iaitu sebelum tamat pengajian dan berijazah.

Kelayakan kemasukan adalah **sekurang-kurangnya PNGK 2.75** bagi program ijazah pertama yang sedang dikuti calon. Pelajar (penuh masa) yang memohon perlu mendapatkan penasihat akademik dan kelulusan Dekan pusat pengajian di mana beliau mendaftar untuk menentukan jumlah unit yang boleh didaftarkan bagi program Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ).

- ◆ Pelajar perlu memenuhi syarat minimum kemasukan program RPJJ yang dimohon.
- ◆ Pelajar hanya dibenarkan mengambil program ijazah yang berlainan dari program asal yang sedang diikuti.
- ◆ Pelajar tidak dibenarkan menarik diri daripada program asal.
- ◆ Pelajar yang aktif perlu mendaftar sekurang-kurangnya 10 unit untuk setiap sidang akademik mengikut peraturan RPJJ.
- ◆ Pelajar perlu mengekalkan tahap kecemerlangan yang sesuai dalam program asal dan akan berada di bawah penasihat akademik daripada Pusat Pengajian program pertama dan juga PPPJJ bagi memantau kemajuan pelajar.

## JANGKA MASA DAN TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian RPJJ adalah minimum 3 tahun dan maksimum 8 tahun. Tempoh pengajian minimum 3 tahun diberikan supaya pelajar dapat bergraduan serentak dengan ijazah pertama dan memperolehi kedua-dua ijazah selepas empat tahun mengikuti program ijazah pertama. Tempoh maksimum ialah bagi pelajar yang mengambil jumlah unit minimum setiap tahun akademik RPJJ (10 unit).

## YURAN PENGAJIAN

Kadar yuran per unit bagi setiap pelajar adalah seperti di bawah. Yuran boleh dibayar secara dua kali ansuran seperti amalan sedia ada untuk program RPJJ.

PROGRAM	JUMLAH UNIT TERAS	KADAR PER UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
<b>Sarjana Muda Sains (Kepujian)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>● Biologi</li><li>● Kimia</li><li>● Matematik</li><li>● Fizik</li></ul>	71	75.00	5,325.00
	72	75.00	5,400.00
<b>Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan(Kepujian)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>● Antropologi dan Sosiologi</li><li>● Ekonomi</li><li>● Sains Politik</li></ul>	73	60.00	4,380.00
<b>Sarjana Muda Sastera (Kepujian)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>● Geografi</li><li>● Kesusasteraan</li><li>● Sejarah</li></ul>	73	60.00	4,380.00
<b>Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>● Organisasi</li><li>● Kewangan</li><li>● Pemasaran</li></ul>	79	60.00	4,740.00

## STRUKTUR PROGRAM

Sistem pengajian yang ditawarkan akan mengikuti sistem sidang akademik seperti yang diamalkan oleh PPPJJ sekarang. Pelajar akan mengikuti kurikulum RPJJ sedia ada. Bagi keperluan berijazah, pelajar memerlukan jumlah unit mengikut bidang seperti berikut:

- Sains - Biologi, Kimia, Matematik (122 unit), Fizik (123 unit)
- Sastera dan Sains Kemasyarakatan - 124 unit
- Pengurusan - 136 unit

Hal-hal penangguhan pengajian dan pentadbiran berkenaan pengajaran dan pembelajaran untuk program RPJJ akan dikendalikan oleh PPPJJ. Di bawah program dwi ijazah ini, pelajar hanya perlu melengkapkan kursus Teras bidang yang dipilih sahaja, manakala bagi kursus yang lain, pelajar dibolehkan memindahkan unit secara maksimum.

## SISTEM PEMBELAJARAN

Program Dwi Ijazah di PPPJJ adalah dijalankan secara separuh masa. Kaedah pengajian dijalankan secara sidang video, webex, tugasan, tutorial, amali, dan kuliah bersempena semasa Kursus Intesif selama tiga minggu bagi setiap sidang akademik. Mod penilaian ialah tugasan, amali, ujian dan Peperiksaan Akhir

## PEPERIKSAAN

Peperiksaan akan dijalankan di Kampus Induk USM berdasarkan peraturan yang sedia ada dan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pengurusan Akademik USM. Keputusan peperiksaan akan dibentangkan di Majlis PPPJJ dan di Majlis Peperiksaan Universiti (MPU) USM untuk kelulusan berdasarkan perlaksanaan sedia ada.

## PENANGGUHAN PENGAJIAN

Hal-hal penangguhan pengajian dan pentadbiran berkenaan pengajaran dan pembelajaran untuk program RPJJ akan dikendalikan oleh PPPJJ. Pelajar perlu mengisi borang penangguh.

## PENGANUGERAHAN IJAZAH

Pelajar akan menerima dua ijazah yang berasingan iaitu ijazah program asal dan ijazah yang ditawarkan setelah memenuhi syarat pengijazahan.

## CARA MEMOHON

Pelajar yang berminat boleh memuat turun Borang Permohonan di Laman Web Rasmi PPPJJ <http://pppj.usm.my/index.php/ms/program/rancangan-ijazah-pppj/program-dwi-ijazah> dan perlu mendapatkan perakuan Dekan pusat pengajian masing-masing terlebih dahulu sebelum menghantar borang tersebut ke alamat:



**PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM, PULAU PINANG**

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

**Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang**



**04-653 3930/ 3286/ 3264**



**04-6576000**



**tda\_cde@usm.my**

QR code



**PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**